

# Majlis Perpisahan Mahasiswa Tahun 3 SPKAL Meriah

UB 12-06-2012 B5

**LABUAN:** Seramai 130 mahasiswa dan mahasiswi Tahun 3 Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) telah menghadiri Majlis Perpisahan Mahasiswa Tahun 3 Sesi 2012 di Tiara Labuan Hotel, baru-baru ini.

Majlis perpisahan yang bertemakan Glamorous Night itu dianjurkan oleh Persatuan Mahasiswa Sekolah Perniagaan Kewangan Antarabangsa Labuan (PMSPKAL).

Pengarah Program, Johnny Chai Sheng Huat berkata majlis itu bertujuan untuk memberi kenangan yang indah sebelum mahasiswa SPKAL menamatkan pengajian mereka di Universiti Malaysia Sabah, Kampus

Antarabangsa Labuan (UMS-KAL).

Beliau mengucapkan terima kasih kepada pensyarah, pegawai dan kakitangan bukan akademik yang memberikan perkhidmatan kepada mereka selama ini.

“Persatuan PMSPKAL juga mendoakan kejayaan mahasiswa yang senior dalam Latihan Industri yang bakal mereka hadapi pada masa akan datang,” katanya.

Majlis perpisahan itu dirasmikan oleh Timbalan Dekan SPKAL (Penyelidikan dan Inovasi), Lee Hock Ann.

Majlis itu dimeriahkan lagi dengan persembahan Ukulele dan 30 cabutan bertuah yang turut dimenangi pensyarah dan mahasiswa.



**MAHASISWA** Tahun 3 SPKAL bergambar kenangan bersama pensyarah mereka.